



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN  
ISNIN 13 JUN 2022

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2. 3. 4. 5.	MAFI, BERNAS BANGUN SAWAH SKALA BESAR DI KOTA BELUD, DALAM NEGERI, UM -5 KOTA BELUD STRIVES TO REGAIN STATUS, NATION, THE STAR -10 RM410 IRRIGATION SYSTEM FOR KOTA BELUD, NEWS WITHOUT BORDERS, THE SUN -4 SMART SCHEME TO BOOST PADI YIELD, NEWS, NST -8 BEKALAN KEPERLUAN AIDILADHA MENCUKUPI, NASIONAL, SH -11	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI)
6. 7.	KEMASUKAN MAKANAN HALAL TERTAKLUK BAWAH PERINTAH PERIHAK DAGANGAN, NASIONAL, SH -11 NEGERI SEMBILAN IZIN KORBAN TAPI PERLU MOHON, LOKAL, HM -17	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (DVS)
8.	TARIKAN PESTA DURIAN BALIK PULAU, DALAM NEGERI, UM -30	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
9.	MADA ATASI SEGERA ISU BAJA LEWAT, UTARA, HAKAKAH -H17	LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN MUDA (MADA)
10.	TOK BALI BANDAR BAHARU PERIKANAN, KELANTAN, HAKAKAH -H12	LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA (LKIM)
11. 12. 13. 14. 15. 16. 17. 18. 19. 20. 21. 22. 23.	DAGING PULA MAHALI, LOKAL, HM -17 GUNA PENGALAMAN 14 TAHUN DI CAMERON HIGHLANDS JADI PETANI, DALAM NEGERI, UM -29 ROSOL WAHID: PJKM ACHIEVES RM7.1 MIL SALES IN JOHOR, SIN CHEW DAILY -ONLINE EMBRACE NATURE AND ENJOY FOOD IN 2 ACRES CAFE, KWONG WAH YIT POH -ONLINE BEKALAN TERHAD, HARGA DAGING DARI INDIA MELAMBUNG, NASIONAL, BH -3 RADIANCE LABUR RM1.1B TINGKAT BEKALAN DAGING SEGAR TEMPATAN, BISNES, BH -35 BALU NELAYAN TIDAK SANGKA TERIMA PENCEN BULANAN DARI PERKESO, NASIONAL, SH -20 WARIS NELAYAN TERIMA FAEDAH PERKESO, NEGARA, KOSMO -14 KPDNHEP JAMIN BEKALAN MENCUKUPI, NEGARA, KOSMO -4 KEUNIKAN SAWAH SKBL, PENDIDIKAN, BH -34 KOMER COFFEE KEENAKAN SEBENAR KOPI KAMPUNG, EKONOMI, UM -37 GEMBLENG PETANI MUDA, R&D JAYAKAN TRANSFORMASI PERTANIAN, MUKA SEPULUH, BH -10 PERKASA PRODUKTIVITI MAKANAN, STABILKAN HARGA DAN BEKALAN MAKANAN, SEKURITI MAKANAN, HAKAKAH -H24	LAIN-LAIN

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN  
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
13/6/2022	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	5

## Mafi, Bernas bangun sawah skala besar di Kota Belud

**KOTA BELUD:** Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (Mafi) dan Padiberas Nasional Berhad (Bernas) membangunkan Program Sawah Berskala Besar (Smart SBB) di Kampung Jawi-Jawi di sini dengan penglibatan seramai 40 pesawah tempatan.

Smart SBB di sini merupakan program kerjasama antara Bernas, Kementerian Pertanian dan Perikanan Sabah serta agensi kerajaan lain.

Ketua Blok Skim Jawi-Jawi Kota Belud, Rajumin Jamrin berkata, program itu memberi pelbagai manfaat kepada penduduk terutamanya pesawah tempatan dan mereka akan didedahkan kepada pelbagai latihan pertanian bagi memperkasakan lagi pengetahuan serta kemahiran.

Ujarnya, ia termasuklah pengamalan teknologi terkini seperti dron dan jentera yang bersesuaian dalam pengurusan tanaman padi serta Jadual Kerja Ladang yang merupakan kaedah amalan pertanian yang lebih tepat.

"Melalui program ini, ia membantu kami untuk mengusahakan sawah secara berpasukan dan lebih sistematik.

"Selain itu, Bernas turut membimbing kami dalam penetapan Jadual Kerja Ladang yang lebih teratur yang mampu mengurangkan risiko kepada tanaman serta mengelakkan pembaziran input pertanian," katanya dalam satu kenyataan semalam.

Menurut Rajumin, penggunaan teknologi dron memudahkan pengurusan ladang dan memberi mereka masa terluang untuk melakukan kerja-kerja harian lain.

# Kota Belud strives to regain status

## Sabah's former rice bowl hopes to reach 60% self-sufficiency level

By KRISTY INUS  
newsdesk@thestar.com.my

**KOTA KINABALU:** Several measures are being introduced in Kota Belud district, once Sabah's rice bowl, to boost the state's padi production and achieve the targeted self-sufficiency level.

They included the construction of a RM36mil Integrated Agriculture Development Area (AIDA) complex, which is to become a landmark for the state's padi and rice industry, said Agriculture and Food Industries Minister Datuk Seri Dr Ronald Kiandee.

Slated to be completed within the 12th Malaysia Plan, the complex

would house a training centre for farmers to enhance their knowledge, and a machinery workshop and agriculture laboratory, he said during the ground-breaking ceremony for the complex yesterday.

At the same time, he said the government would address the issue of water supply for agricultural purposes by developing the drainage and irrigation system in Kota Belud, which is known to be prone to flooding, at a cost of RM410.39mil.

"This development will consist of 17 projects, which involve upgrading works on the system, constructions of main canals, as well as roads leading to fields and other infrastructures, which is expected

to be completed by 2030.

"Once done, a 5,000ha area of padi farms could be harvested twice a year. The infrastructure development will benefit padi farmers in terms of boosting crops production and contribute towards increasing Sabah's rice self-sufficiency level to 60%," he added.

During the event, Kiandee also launched the large-scale padi field SMART programme, which involved 40 padi farmers with a cultivation area of 45ha. The government-private collaboration with Padiberas Nasional Bhd (Bernas), is expected to increase the farmers' earnings and transform the landscape of the local padi and rice industry.



**Cream of the crop:** Kiandee (second from left) looking at a padi exhibit during the ground-breaking ceremony of the AIDA complex at Kota Belud. — Bernama

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
13/6/2022	THE SUN	NEWS WITHOUT BORDERS	4

## RM410m irrigation system for Kota Belud

**KOTA BELUD:** The government is developing an irrigation and drainage system here at a cost of RM410.39 million to address water problems and boost the agricultural sector, said Agriculture and Food Industries Minister Datuk Seri Dr Ronald Klandee.

He said the system covers 17 development projects and involves upgrading the irrigation and drainage network, construction of main canals and roads as well as other infrastructure, which is expected to be completed by 2030.

"The development of this infrastructure will definitely benefit the farmers in terms of increasing the yield and meeting the Sabah rice self-sufficiency level targets of 60%, which is currently at 24%," he said when officiating at the Large-Scale SMART Padi Field (SMART SBB) programme and groundbreaking ceremony for the Integrated Agricultural Development Area (IADA) Complex in Kampung Jawi-Jawi here yesterday.

The Smart SBB programme in Kota Belud is under the supervision of Padiberas Nasional Bhd, involving a total of 40 farmers with a cultivation area of 45ha.

"I am confident that the strategic collaboration between the Agriculture and Food Industries Ministry and this leading company would be the starting point to change the landscape of the local paddy and rice industry.

"SMART SBB has been proven to increase the average paddy yield per hectare in Selangor and Sarawak. For the recent season in Sekinchan, Selangor, paddy areas of more than 100 hectares have managed to increase the average yield almost three times, from 2.5 tonnes per hectare to eight to 10 tonnes per hectare," he added.

Ronald also announced an allocation of RM36 million for the IADA Complex. - Bernama

## FOOD SECURITY

# SMART SCHEME TO BOOST PADI YIELD

Public-private partnership will reduce dependency on rice imports, says Kiandee

OLIVIA MIWIL  
KOTA BELUD  
olivia@nst.com.my

**T**HE Agriculture and Food Industries Ministry's Large-Scale Smart Padi Programme (Smart SBB) will ensure the country's food security by increasing yields and reducing imports.

Minister Datuk Seri Dr Ronald Kiandee, who launched the initiative here yesterday, also announced hundreds of millions of ringgit worth of programmes to help padi cultivation in the area and state.

Kiandee said Smart SBB, a public-private strategic partnership with Padiberas Nasional Bhd, was designed to increase padi productivity and meet at least 75 per cent of the country's rice needs by reducing the dependence on rice imports.

"I am confident that the collaboration between the ministry and leading companies will be the starting point to change the landscape of the padi and rice industry," Kiandee said.

He said the government had al-



Agriculture and Food Industries Minister Datuk Seri Dr Ronald Kiandee (left) looking at an exhibit at the launch of the Large-Scale Smart Padi Programme in Kota Belud, Sabah, yesterday. BERNAMA PIC

located four subsidy programmes this year worth RM68.97 million to benefit 45,016 farmers in Sabah, including hill padi farmers.

He said the government would also develop the Kota Belud irrigation and drainage system at a

cost of RM410.39 million.

"Through the 17 projects, the ministry will upgrade the irrigation and drainage system, construction of main water lines, farm roads and other infrastructure," he said.

Kiandee said once completed

by 2030, the 5,000ha padi fields in the area could be harvested twice a year.

Yesterday, he performed the groundbreaking for the construction of the RM36 million Integrated Agriculture Development Area Complex here, which aims

to be a reference centre for padi cultivation in Sabah.

The complex is expected to be completed by 2025.

As part of the programme, 45ha of abandoned padi fields here will be revived to benefit 40 farmers.

# Bekalan keperluan Aidiladha mencukupi

KPDNHEP beri jaminan tiada kekurangan bekalan ayam, daging dan barang keperluan harian

Oleh ZULHISHAM ISHAK  
**JOHOR BAHRU**

**K**ementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) memberi jaminan bekalan ayam, daging dan barang keperluan harian cukup sehingga Hari Raya Aidiladha bulan depan.

Timbalan Menteri, Datuk Rosol Wahid berkata, jaminan itu sudah diberikan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) dan masyarakat tidak perlu bimbang mengenai bekalan barang harian tersebut.

"Kami dapat maklumat daripada MAFI bahawa bekalan mencukupi. Jadi, tiada isu. Bagaimanapun pemantauan di pasar raya seluruh negara tetap dilakukan oleh 2,000 anggota penguat kuasa KPDNHEP, supaya tidak terjadi kekurangan bekalan.



Rosol (tengah) meninjau harga barang asas termasuk ayam di pusat beli-belah Lotus Tebrau, Johor Bahru pada Ahad.

"Rakyat juga diminta segera menyalurkan maklumat kepada pihak Kementerian sekiranya berlaku kekurangan bekalan di pasaran untuk tindakan segera, bukan memuat naik (dakwaan) dalam media sosial sendiri," katanya selepas melakukan tinjauan sempena Program Jualan Keluarga Malaysia di Pasar Raya Lotus Tebrau di sini pada Ahad.

Sementara itu, Rosol berkata,

pemantauan bukan sahaja dibuat oleh anggota penguat kuasa KPDNHEP tetapi dibantu oleh persatuan pengguna dan rakyat sendiri.

Dalam pada itu, Rosol berkata, sehingga Ahad, Program Jualan Keluarga Malaysia merekodkan hasil jualan mencecah RM54 juta yang dilaksanakan sudah lebih 1,702 lokasi seluruh negara termasuk Sabah dan Sarawak sejak hujung tahun lalu.

## Kemasukan makanan halal tertakluk bawah Perintah Perihal Dagangan

**KUALA LUMPUR** - Walaupun kerajaan telah memansuhkan kelulusan kuota permit import (AP) bagi beberapa bahan makanan, namun sebarang kemasukan makanan halal tetap tertakluk kepada Perenggan 5 (1) Perintah Perihal Dagangan (Perakuan dan Penandaan Halal) 2011.

Sekretariat Majlis Halal Malaysia (Jakim) menyatakan perenggan berkenaan menetapkan semua makanan dan barang import yang dipasarkan di Malaysia tidak boleh diperihalkan sebagai halal, melainkan

jika makanan dan barang import itu mematuhi kehendak perenggan empat atau diperakukan sebagai halal oleh badan pensijilan halal luar negara diiktiraf Jakim.

"Bagi memastikan status halal makanan yang diimport, Jakim telah mengiktiraf 84 badan pensijilan halal luar negara daripada 46 buah negara di seluruh dunia.

"Ia berfungsi sebagai badan bertanggungjawab menyelia dan mengawal pelaksanaan sistem halal di rumah sembelihan yang diuluskan untuk mengeksport daging ke Malaysia dan

industri yang mengeksport produk mereka ke dalam negara," menurut sekretariat berkenaan dalam satu kenyataan.

Sekretariat itu turut menyatakan, pihak industri di peringkat antarabangsa yang mengeksport produk mereka ke Malaysia juga sangat memahami keperluan dan standard halal negara yang ketat.

Malah, sekretariat menyedari bahawa keupayaan mereka mematuhi keperluan dan standard halal Malaysia sebagai satu penanda aras tinggi bahawa produk mereka boleh diterima sebagai halal di peringkat antarabangsa.

Menurut sekretariat itu, pengesahan

dan pensijilan halal yang dikeluarkan adalah mengikut piawaian yang ditetapkan dan melalui tapisan dan semakan yang ketat di setiap peringkat.

Berhubung rumah sembelihan luar negara, sekretariat berkenaan menyatakan Jabatan Perkhidmatan Veterinar dan Jakim dengan kerjasama badan pensijilan halal luar negara yang diiktiraf sentiasa memastikan rumah sembelihan luar negara yang mendapat kelulusan mengeksport daging mereka ke Malaysia adalah mematuhi keperluan halal seperti yang telah ditetapkan. - *Bermama*

# Daging pula mahal!

**Harga jualan produk dari India kini meningkat RM17 sekilogram**

Oleh Mohamed Farid Noh  
farid\_noh@bh.com.my

## Jobee Bahara

Isu ayam segar dalam pasaran makin reda namun kini bekalan daging dari India pula dilaporkan menghadapi masalah selain harganya juga melambung tinggi.

Tinjauan di pasar basah sekitar bandar raya ini termaasuk di Pandan mendapati bekalan daging dari India dijabat makin terhad.

Malah, harga daging import dari India itu kini naik ke pada RM17 sekilogram (kg) berbanding hanya antara RM13 hingga RM14 sebelum ini.

Peniaga daging, Hafizul Mohamad, 40, berkata daging dari India menjadi pilihan peniaga makanan dan pengguna kerana harganya lebih murah berbanding daging segar tempatan yang diketahui umum lebih mahal.

Namun, katanya, sebelum Aidilfitri lalu lagi bekalan daging dari India yang diterima daripada pembekal mula berkurangan hampir separuh daripada biasa menyebabkan stok terhad untuk dijual.

"Keadaan semasa bekalan daging import dari India terutama bahagian betang piang sudah mula terputus menyebabkan peniaga makanan terutama sate selain pengguna mula mengeluh. "Pembekal menaakutkan bekalan daging dari India sukar diperoleh sejak dua minggu lalu. Malah, peniaga daging juga sukar



BEKALAN daging dari India yang diterima daripada pembekal mula berkurangan hampir separuh daripada biasa menyebabkan stok terhad untuk dijual. - Gambar NSTP/NUR AISYAH MAZALAN

memperoleh tulang dan paru lembu dari Australia, yang menerima permintaan tinggi daripada peniaga (makanan) dan pengguna.

"Harga daging import dari India walaupun naik antara RM3 hingga RM4 setiap kg, ia tetap lebih murah dan menjadi pilihan peniaga makanan serta pengguna berbanding daging segar berharga RM45 kg, yang hanya menerima sambutan ketika musim perayaan sahaja.

"Saya sebagai penjual hanya menerima 200 kg daging import dari India daripada pembekal berbanding 400 kg sebelum ini, menyebabkan tidak dapat menampung permintaan dari peniaga makanan dan pengguna," katanya ketika dite-

mas. Seorang lagi peniaga daging di Pasar Taman Dahlia, Tampoi, Mohd Kamal Kamsan, turut mengakui bekalan daging import dari India semakin berkurangan dan terhad.

"Saya pun tidak pasti kenapa sejak sebelum Aidilfitri lalu bekalan daging import dari India semakin berkurangan.

"Pembekal ada memaklumkan rebutan banyak negara ketika ini menyebabkan bekalan terhad. Diharapkan bekalan daging India ke Malaysia tidak terjejas lama kerana ia akan memberi kesan kepada peniaga dan pengguna," katanya. Sementara itu, peniaga makanan, Mohammed Izam

Seran, pula berkata kenaikan harga daging import India yang mendadak daripada RM215 sekotak kepada RM280, menyebabkan peniaga terpaksa menaikkan harga makanan berasaskan daging.

Katanya, kesemua peniaga makanan terutama nasi campur memang menggunakan daging import India sebagai ramuan utama masakan berasaskan daging.

"Sekotak ada 20 paket dengan setiap paket seberat 800 gram. Peniaga makanan memang akan beli sekotak bagi stok bermiaga. Namun sejak harga daging India naik mendadak dua bulan lalu, saya terpaksa menaikkan harga makanan berasaskan daging kepada RM1.50 kini," katanya.

## Negeri Sembilan izin korban tapi perlu mohon

**Jobee:** Pelaksanaan ibadah korban menjelang Aidiladha di Negeri Sembilan dibenarkan namun permohonan atau pengajuan perlu membuat permohonan melalui sistem e-qurb@NS di paualan http://e-qurb@ns.jhe-

ains.my dan boleh dilakukan mulai 2 petang 13 Jun sehingga 4 petang 3 Julai ini," katanya ketika ditemui pada Mesyuarat Perubuhan Parti Amanah Cawangan Kampung Chenor, di sini, kelmarin.

Dalam perkembangan lain, Bakri berkata, pihaknya menjangka penyerahan orang ramai dalam ibadah korban tahun ini bakal berkurangan berikutan peningkatan harga lembu di pasaran.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Makanan negeri Dabuk Bakri Sawir berkata, ia bertujuan untuk meningkatkan perkhidmatan oleh Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sembilan (Heains) dan Jabatan Perkhidmatan Veterinar (IPV) Negeri Sembilan.

"Bagaimanapun, faedahnya dibenarkan di rumah penyembelihan, masjid dan surau di seluruh negeri, bagi lokasi persendirian seperti di rumah akan dipertimbangkan IPV Negeri Sembilan. "Permohonan atau pengajuan haruslah membuat permohonan melalui sistem e-qurb@NS di paualan http://e-qurb@ns.jhe-

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
13/6/2022	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	80

# Tarikan pesta durian Balik Pulau

**Oleh SAFINA RAMLI**  
 utusannews@mediamulla.com.my

**BALIK PULAU:** Keadaan hujan dan lalu-lintas sesak bermula dari kawasan pusat bandar hingga ke Balik Pulau, bukan menghalang buat pengembar durian memburu raja buah itu di Pesta Durian Balik Pulau di Dataran Masjid Daerah Barat Daya, di sini.

Pesta itu bermula Jumaat lalu menghimpunkan pelbagai varieti durian yang ditanam di Balik Pulau kepada pengunjung antaranya udang merah, musang king, kun poh, durian hor lor dan duri hitam. Dianggarkan lebih 3,000 pengembar durian mengunjungi pesta durian berkenaan hujung minggu lalu yang diadakan khas bagi mempromosi dan menggalakkan industri agropelancongan di daerah tersebut.

Malah bagi memudahkan pengunjung hadir, polis melaksanakan lencongan dan laluan sebala di kawasan Barat Daya untuk memastikan lalu-lintas lancar ketika festival berlangsung dan sepanjang musim durian.

Seorang peniaga durian, Mohd. Alif Aiman, 22, berkata, khusus untuk festival itu, dia membawa lebih satu tan metrik durian setiap hari



**ORANG ramai tidak melepaskan peluang menghadiri pesta raja buah di Balik Pulau, Pulau Pinang bermula Jumaat lalu bagi mendapatkan pelbagai varieti buah durian kegemaran masing-masing.**

untuk dijual kepada para penggemar buah berkenaan.

"Pesta ini satu peluang untuk para peniaga durian menggan-

dakan pendapatan selepas kami terkesan dengan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

"Bermula Jumaat lalu, orang-ra-

mai tidak putus-putus berkunjung bagi mendapatkan pelbagai jenis buah durian kegemaran masing-masing," katanya ketika ditemui

di Pesta Durian Balik Pulau. Mohd. Alif berkata, pihaknya menawarkan durian segar dengan harga berpatutan kepada pengunjung iaitu bermula RM5 hingga RM35.

"Buah durian diperoleh dari tiga ladang yang kami pajak di Sungai Ara, Teluk Kumbar dan sekitar Balik Pulau.

"Selain membuka gerai jualan di pesta ini, kami membuka gerai jualan di Relau dan Bukit Jambul setiap hari sepanjang musim durian ini," katanya.

Dalam pada itu, seorang pengunjung, Siti Fazilah Ismail, 32, berkata, dia dan rakan-rakannya mengambil peluang sempena cuti sekolah hujung minggu berkunjung ke pesta itu bagi mendapatkan durian Balik Pulau.

"Saya tinggal di kawasan Seberang Perai. Walaupun agak sesak ke Balik Pulau, saya dan rakan-rakan tetap datang ke daerah ini untuk membeli durian, malah harga durian di pesta ini berpatutan," katanya.

Sementara itu, Pengarah FAMA negeri, Mohd. Azraie Ramli berkata, terdapat 12 usahawan terdiri daripada peniaga durian dan peniaga jualan produk-produk berasaskan durian menyertai pesta tersebut.

# MADA atasi segera isu baja lewat

Oleh **SARINA ISMAIL**

**ALOR SETAR:** Isu kelewatan baja yang dihadapi oleh petani khususnya di kawasan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) akan segera diatasi.

Pengerusi MADA, Ustaz Ahmad Tarmizi Sulaiman berkata, perkara itu disebabkan oleh isu kelewatan bekalan bahan mentah dan sudah diambil tindakan segera oleh Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS).

“Dianggarkan keperluan baja di Kawasan Muda adalah sebanyak 1,097,396 beg bagi baja NPK Sebatian, Baja Urea 410,910 beg dan dan baja NPK Tambahan sebanyak 609,349 beg.

“NAFAS telah bertindak segera membekalkan stok NPK Sebatian, Baja Urea sebelum 15 Jun 2022 dan stok baja NPK Tambahan sebelum 30 Jun 2022 ini,” jelasnya dalam satu kenyataan, Jumaat lalu.

Menurutnya lagi, Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) telah melantik NAFAS sebagai pem-

bekal bagi Program Skim Baja Kerajaan Persekutuan (SB-PKP) dan Skim Insentif Pengeluaran Padi (SIPP) untuk penanam padi di seluruh Malaysia.

Tarmizi juga memaklumkan isu kelewatan pembekalan penghantaran baja bawah SBPKP dan SIPP turut dibincangkan pada sesi Mesyuarat Penyelidikan pada 1 Jun lalu.

Mesyuarat yang diadakan di Pertubuhan Peladang Kawasan H-II, Kepala Batas itu melibatkan Bahagian Pembangunan Industri Padi Dan Beras MAFI, NAFAS, MADA dan Lembaga Pertubuhan Peladang Kedah dan Perlis.

Terdahulu, dilaporkan seramai 80 petani di Kampung Alor Beral, Mukim Tobiar kecewa kerana belum menerima bekalan baja subsidi daripada pihak MADA sedangkan benih padi sudah ditabur sejak April lalu.

Kata mereka, para pesawah tidak dapat menunggu



**Ustaz Ahmad Tarmizi Sulaiman**

bekalan baja dalam tempoh terlalu lama untuk menabur benih padi kerana dibimbangi bekalan air berkurangan.

Sementara kata Tarmizi, sehingga 9 Jun 2022, kawasan Muda telah menerima baja sebatian se-

banyak 808,421 beg (74 peratus), baja urea 247,700 beg (60 peratus) dan baja NPK Tambahan 171,532 beg (28 peratus).

“Pemantauan penghantaran baja kepada Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) akan dipantau oleh Bahagian Pembangunan Industri Padi dan Beras (IPB) dan MADA sendiri secara harian agar isu kelewatan baja akan dapat segera diselesaikan,” tambahnya.

Justeru itu beliau berharap pihak NAFAS dapat mempercepat pengedaran baja di Kawasan Muda seperti yang dijanjikan supaya peladang dapat meneruskan aktiviti penanaman padi musim 1/2022 dengan lancar.

# Tok Bali bandar baharu perikanan

Oleh MUHAMMAD ARIF ISMAIL

**PASIR PUTEH:** Tok Bali bakal berubah wajah apabila Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER) merancang mewujudkan kawasan perindustrian seluas 218.19 ekar di Gong Kulim.

Selain itu pembinaan Tok Bali Integrated Fisheries Park (TBIFP) di kawasan seluas 17,087 ekar di tanah milik Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM).

Menteri Besar, Ustaz Dato' Bentara Kanan Ahmad Yakob berkata, pembinaan pejabat dan bengkel Mara Transport Excellence Center (MITC) pula akan dibangunkan di tanah Majlis Amanah Rakyat (Mara) seluas 10 ekar.

Katanya pembangunan yang diterajui syarikat termasuk Scania dan Hino akan ditenderkan pada Jun 2023 selepas mendapat peruntukan Kementerian Kewangan.

"Oleh itu rakyat Kelantan khususnya penduduk tempatan perlu merebut peluang terhadap usaha kerajaan menjadikan Tok Bali sebagai bandar baharu perikanan dan pelancongan.



Menteri Besar melakukan gimik perasmian Dataran Bahtera di Tok Bali.

"Tok Bali dijangka dibangunkan lebih pesat melalui pelbagai usaha dilakukan kerajaan termasuk insentif cukai bagi menarik lebih ramai pelabur ke kawasan tersebut.

"Insentif diberi kerajaan akan dinikmati pelabur termasuk pengecualian cukai pendapatan sebanyak 100 peratus selama 15 tahun dan kadar istimewa 17 peratus lima tahun seterusnya," katanya selepas merasmikan Dataran Bahtera Tok Bali di sini Khamis lepas.

Menurutnya juga insentif tersebut merupakan galakan dan daya tarikan pelabur untuk merencanakan lagi kegiatan ekonomi berimpak tinggi di Tok Bali.

Kata beliau juga Projek Laluan Rel Pantai Timur (ECRL) akan melalui Tok Bali dengan pembinaan stesen kargo dan penumpang ECRL di Cherang Tuli.

Selain itu katanya limpahan pembangunan juga berlaku di Pasir Puteh apabila Madinatul Riadhah dibina di Bukit Merbau Seling.

"Kerajaan pusat melulus peruntukan sebanyak RM256 juta bagi membangun Madinatul Riadhah, manakala kerajaan negeri membelanjakan RM47 juta bagi pengambilan tanah dan pembinaan jalan," ujarnya.



13 JUN, 2022

## Rosol Wahid: PJKM achieves RM7.1mil sales in Johor

Sin Chew Daily (Johor), Malaysia

# 羅索華希：逾28萬戶家庭到訪 柔PJKM銷售額710萬

（新山12日訊）截至本月4日，大馬一家促銷活動（PJKM）已在全柔所有國會選區的273個地點舉行，總銷售額達710萬令吉，共吸引28萬6000戶家庭到訪。

國內貿易及消費事務部副部長拿督羅索華希指出，從到訪人數可見大馬一家促銷活動已被證實，能夠協助減輕人民的生活費負擔，到訪者在與他交談時也證實了這一點。

羅索華希今日巡視在他不能Lotus's超市舉行的大馬一家促銷活動（PJKM），并于較後在新聞發布會上表示，該活動進行期間，各種日常用品以特價出售，相較于本地市場上的價格，折扣可高達20%。

他說，一般受歡迎的商品包括鮮肉、雞蛋、食油、糖、面粉及蔬菜。

大馬一家促銷活動（PJKM）是由貿消部聯合聯邦農業銷售局（FAMA）、大馬漁業發展局（LAKIM）、國家農民組織（NAFAS）、國家漁民協會（NEKMAT）及農業組織局（Lembaga Petubuhan Pelahang）舉辦。

該項活動也獲得零售領域業者作為策略伙伴，包括超級市場、超市、批發商和供應商，超過240個合作伙伴參與其中。

貿消部也提醒所有商家，時刻遵守政府設下的條例和法令，同時呼籲民眾保持耐心，在全球及國內食品供應鏈受影響之際，與政府共度時艱。



↑ 羅索華希（左一）巡視超市內售賣蔬菜的攤位。（蕭靖恩攝）

↑ 鮮雞是大馬一家促銷活動中，相當受歡迎的商品。（蕭靖恩攝）



13 JUN, 2022

## Rosol Wahid: PJKM achieves RM7.1mil sales in Johor

Sin Chew Daily (Johor), Malaysia

Page 2 of 2

### SUMMARIES

—鲜鸡是大马一家促销活动中，相当受欢迎的商品。(萧靖恩摄)(新山12日讯)截至本月4日，大马一家促销活动(PJKM)已在全柔所有国会选区的273个地点举行，总销售额达710万令吉，共吸引28万6000户家庭到访。国内贸易及消费人事务部副部长拿督罗索华希指出，从到访人数可见大马一家促销活动已被证实，能够协助减轻人民的生活费负担，到访者在与他交谈时也证实了这



13 JUN, 2022

# Embrace nature and enjoy food in 2 Acres Cafe

Kwong Wah Yit Poh, Malaysia

## 浮罗山背2 Acres Cafe 拥抱大自然休闲用餐好去处

【檳城訊】浮罗山背再添全新休闲好去处！占地2英亩的2 Acres Cafe，坐落在静谧凉爽的地区，咖啡馆内备有丰盛主食、饮料甜点、新鲜榴梿等。此外，这里还建有许多休闲设备，可请登山者和自行车骑士们的宝地！

坐落在恬谧清幽的山上，2 Acres Cafe无疑为自行车爱好者和登山人士提供了一个休闲好地方。在这里，您可以享受清新空气，欣赏优美景色，徜徉在大自然的臂弯之中。2 Acres Cafe双层咖啡馆，拥有绝佳的用餐和休闲空间，让大家可以边享用美食，边观赏美景。此外，这里还有更衣室、浴室等各类设施，为自行车骑士及登山者提供便利。

创办人张玉宁和谭若莲表示，2 Acres Cafe涵盖2英亩的范围，让大家可尽情游走赏景。馆主也坐拥自家榴梿园，在此可寻找新鲜榴梿，咖啡馆旁也有棵榴梿树，榴梿树下设有榴梿网，以确保众人的安全。

2 Acres Cafe开幕正日迎来各界人士祝贺，更邀请直落巴巷州议员佐基菲里拉勒、浮罗勿洞州议员莫哈末都阿·联邦农业销售局(FAMA)檳州分局局长莫哈末阿兹拉依、世界华人工商妇女企管协会(檳城分会)荣誉创会主席拿督郑美满等人担任剪彩嘉宾。

佐基菲里拉勒致辞时表示，浮罗山背深受各界人士喜爱，各商企选择在这里投资，使之成为一个建有各种休闲设备、充满灵感的宝地。如今2 Acres Cafe再为浮罗山背添一道风景线，让大家有个休闲好去处，也趁榴梿季节

享用果子。

莫哈末都阿也提及，他与佐基菲里拉勒近期曾讨论浮罗山背交通阻塞的议题，彰显了浮罗山背深受欢迎的爆表程度。

拿督郑美满献祝词时表示，如今见证友人谭荣陶之子谭若莲亲自创业，甚感欣慰。她也忆起以往谭荣陶勤奋栽送榴梿的时光，更指这股积极努力的精神值得效仿，一代代传承下去。

2 Acres Cafe

Lot 313, Jalan Teluk Bahang, Kampung Sungai Pinang, 11000 Balik Pulau, Pulau Pinang

营业时间：周一至周五9am-6pm；周六与日7:30am-6pm



扫描二维码 浏览更多资讯



左起：谭炳煌、张玉宁、莫哈末阿兹拉依、莫哈末都阿赞伉俪、佐基菲里拉勒赞伉俪、郑美满、谭若莲等嘉宾一同剪彩。



13 JUN, 2022

## Embrace nature and enjoy food in 2 Acres Cafe

Kwong Wah Yit Poh, Malaysia

Page 2 of 2

### SUMMARIES

浮罗山背2 Acres Cafe 拥抱大自然休闲用餐好去处(檳城讯) 浮罗山背再添全新休闲好去处! 占地2英亩的2 Acres Cafe, 坐落在静谧凉爽的地区, 咖啡馆内备有丰盛主食、饮料甜点、新鲜榴梿等。此外, 这里还建有许多休闲设备, 可谓登山者及自行车骑士们的宝地! 坐落在恬谧清幽的山上, 2 Acres Cafe无疑为自行车爱好者和登山人士提供了一个休闲好地方。在这里, 您可以享受清新空气, 观赏优美景色

# Bekalan terhad, harga daging dari India melambung

**Johor Bahru:** Selepas ayam segar, bekalan daging sejuk beku dari India pula dilaporkan semakin terhad dengan harga melambung kira-kira 20 peratus.

Tinjauan di pasar basah sekitar bandar raya ini termasuk di Pandan, mendapati bekalan daging 'kotak' dari India dilihat tidak sebanyak seperti sebelum ini, manakala harganya naik kebanding antara RM17 hingga RM14 sebelumnya.

Peniaga daging, Hafizul Mohamad, 40, berkata daging dari India menjadi pilihan peniaga makanan dan pengguna kerana lebih murah berbanding daging segar tempatan, namun sejak sebelum Aidilfitri lalu, produk import itu yang diterima daripada pembekal mula berkurangan hampir separuh.

"Bekalan yang kami terima berkurang hampir separuh daripada biasa menyebabkannya terhad. Keadaan semasa bekalan produk itu, terutama bahagian 'batang pinang' sudah mula ter-

putus menyebabkan peniaga makanan terutama peniaga sate dan pengguna mengeluh.

"Pembekal memaklumkan bekalan daging dari India sukar diperolehi sejak dua minggu lalu, malah peniaga daging kini juga sukar memperoleh tulang dan paru lembu dari Australia yang menerima permintaan tinggi daripada peniaga dan pengguna," katanya.

Katanya, walaupun harga daging import dari India naik antara RM3 hingga RM4 setiap kilogram, ia tetap lebih murah dan menjadi pilihan peniaga makanan serta pengguna berbanding daging segar tempatan berharga RM45 setiap kilogram yang hanya menerima sambutan ketika musim perayaan.

"Kini saya hanya terima 200kg daging import India daripada pembekal berbanding 400kg sebelumnya, jadi tak dapat tempung permintaan peniaga makanan dan pengguna," katanya dan turut diakui seorang peniaga daging di Pasar Taman Dahlia, Tampoi, Mohd Kamal Kamsan.

Mohd Kamal mengakui bekalan daging import India semakin berkurangan dan terhad sejak sebelum Aidilfitri lalu, namun tidak pasti punca sebenar melainkan makluman pembekal bahawa produk itu menjadi rebutan banyak negara.

Peniaga makanan, Mohammad Izam Seran, pula berkata kenaikan harga daging import India yang mendadak daripada RM215 sekotak ke pada RM280 menyebabkan peniaga terpaksa menaikkan harga makanan berasaskan daging.

"Peniaga makanan, terutama nasi campur guna daging import India sebagai ramuan utama masakan berasas daging. Sekotak ada 20 paket, setiap paket 800 gram. Sejak harga daging India naik mendadak dua bulan lalu, saya terpaksa naikkan harga makanan berasas daging sebanyak RM1.50," katanya.

Dalam perkembangan berkaitan, Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Datuk Rosol Wahid memberi jaminan bekalan barangan asas termasuk ayam dan daging mencukupi bagi menampung permintaan sempena Aidiladha, bulan depan.

"Pengguna tak perlu bimbang mengenai bekalan barangan asas. Kementerian Pertanian dan Industri Maklumat (MAMPU) memaklumkan berkaitan terutamanya, namun kami tetap memantau pasar raya seluruh negara menerusi 2,000 penguat kuasa supaya tidak terjadi kekurangan bekalan.

"Kita tak mahu dengar maklumat sahaja tetapi tiada pementasan. Jika ada kekurangan bekalan, kita akan bincang dengan MAFI untuk pastikan stok mencukupi dalam pasaran," katanya

yang ditemui ketika meninjau Program Jualan Keluarga Malaysia (PJKM) di Lotus Tebrau, semalam.

Katanya, pemantauan bekalan bukan sahaja oleh penguat kuasa, tetapi turut dibantu persatuan pengguna dan rakyat yang boleh menyalurkan maklumat kepada KPDNHEP sekiranya mengesan kekurangan bekalan barangan asas di pasaran untuk tindakan segera.

Mengenai PJKM, Rosol berkata, program itu sehingga kini merekodkan hasil jualan mencecah RM54 juta menerusi operasi di lebih 1,702 lokasi seluruh negara termasuk Sabah dan Sarawak bagi membantu rakyat yang terkesan dan terbeban dengan kos sara hidup.

"Di Johor pula, sehingga 4 Jun lalu, PJKM telah dilaksanakan di 273 lokasi meliputi semua kawasan Parlimen dengan nilai jualan mencecah RM7.1 juta," katanya memaklumkan antara barangan tumpuan penguat kuasa adalah ayam segar, telur, mihyak masak, gula, tepung dan sayur-sayuran.



Rosol Wahid

# Radiance labur RM1.1b tingkat bekalan daging segar tempatan

Syarikat majukan ekosistem operasi lengkap termasuk proses pembakaan, rangkaian kedai

Oleh Mohd Zakry Zainuddin  
zakry@bh.com.my

Radiance Assets Bhd, menerusi anak syarikatnya Radiance Agrotech Sdn Bhd rancang melabur RM1.1 billion dalam tempoh lima tahun akan datang bagi membangunkan ekosistem lengkap lembu daging untuk pasaran tempatan. Pengerusi Eksekutifnya, Dr Mohd Ezman Zamani, berkata rancangan pelaburan mega dan terpenting syarikat dalam memastikakan bekalan daging lembu segar di Malaysia kekal mencukupi dan lebih murah itu dijangka akan mengurangkan kebergantungan Malaysia kepada daging lembu import yang merangkumi lebih 70 peratus bekalan di Malaysia.

Belliau berkata, pelaburan yang akan disuntik oleh pelabur budi-budi tempatan dan antarabangsa itu membolehkan Radiance Agrotech membina ladang ternakan berskala besar di Tanjung Malim dan Tapah, Perak dengan membawa masuk 18,000 lembu baka Brazil sebagai permulaan dengan sasaran tiga hingga lima tahun untuk memternak 30,000 hingga 50,000 lembu dan 250,000 ekor da-



Ladang lembu daging RediFarm milik Radiance Agrotech.

(Foto lisan Radiance Agrotech)

lam tempoh 10 tahun akan datang. Katanya, selain membawa masuk lembu baka Brazil, Radiance Agrotech akan membina ladang untuk proses pembakaan, pusat penyembelihan, pemasaran menerusi rangkaian kedainya Redi Meat dan pembayaran tanpa tunai, Redi Pay dan penghantaran, Redi Ride.

"Kami diamperahkan tanah luas oleh kerajaan Perak di Tanjung Malim dan Tapah bagi membangunkan ekosistem lembu daging yang lengkap untuk meningkatkan aspek keselamatan perkukuhkan aspek keselamatan makanan di Malaysia. "Radiance Agrotech akan membawa masuk baka Brazil sehingga

bah setakat ini.

Keadaan menjadi lebih parah jika krisis makanan meruncing di seluruh dunia yang mungkin menyaksikan negara pengeksport seterusnya menyebabkan kurang bekalan dan harga melambung tinggi.

Mohd Ezman berkata, projek yang sudah bermula secara berperingkat itu tidak hanya membantu meningkatkan bekalan daging tempatan, malah dapat mengurangkan harga sehingga 20 peratus, memandangkan semua proses dilaksanakan Radiance Agrotech.

"Menerusi projek ini, kami menjangkakan harga pasaran daging lembu segar mampu berkurang sehingga 20 peratus dalam tempoh tiga hingga lima tahun akan datang, berbanding sekurangnya dan kami mengharapkan penurunan harga adalah lebih besar. "Kami akan mewujudkan ekosistem lengkap di mana tiada lagi campur tangan orang tengah. Dalam tempoh berkenaan (tiga hingga lima tahun), kami rancang mewujudkan 1,000 kedai Redi Meat di seluruh negara bagi menawarkan jualan daging segar seawal masa ini Radiance Agrotech sedang menubuhkan pusat-pusat penghantaran dikenali Redi Ride untuk menghantar pesanan pelanggan, manakala perkhidmatan pembiayaan tanpa tunai Redi Pay sudah beroperasi, sementara satu cawangan Redi Meat tersedia di Rawang, Selangor.

Ketika ini, Radiance Agrotech

Menerusi projek ini, kami menjangkakan harga pasaran daging lembu segar mampu berkurang sehingga 20 peratus dalam tempoh tiga hingga lima tahun akan datang



Mohd Ezman Zamani, Pengerusi Eksekutif Radiance Assets Bhd

beroperasi merangkumi ladang ternakan dan pusat penyembelihan di Bangi, Selangor dan Labis, Johor.

Belliau menjelaskan, bersandar pada potensi untuk berkembang dalam perniagaan perternakan lembu sehingga pengedaran daging lembu segar dan aspek pemasaran yang akan menyokong operasi Radiance Assets, syarikat berancang menyenaraikan sahamnya di Bursa Malaysia dan bursa saham lain bagi mengukuhkan lagi jenama terbahit.

Radiance Assets adalah sebuah syarikat pelaburan patuk syariah dengan mandat melabur dan membina penyelesaian inovatif yang mampu.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
13/6/2022	SINAR HARIAN	NASIONAL	20

## Balu nelayan tidak sangka terima pencen bulanan dari Perkeso

**PONTIAN** - Balu kepada nelayan yang lemas di perairan Ayer Balo di sini baru-baru ini, tidak menyangka akan menerima pencen bulanan daripada Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso).

Suri rumah, Hirunisa Sandari, 54, berkata, dia tidak mengetahui suaminya, Abu Bakar Mohammad, 57, ada membuat caruman melalui Skim Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri (SKSPS) dengan Perkeso.

"Saya tidak sangka akan terima menerima pencen bulanan. Dengan pencen ini sedikit sebanyak menampung keperluan saya," katanya ketika ditemui pada Majlis Penyerahan Faedah Perkeso di rumahnya di Kampung Dalam Ayer Balo di sini pada Ahad.

Hadir sama, Timbalan Pengarah Perkeso Johor, Jamalluddin Mohammad; Pengarah Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) Johor; Intan Suhaila Othman dan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pulau Sebatang, Hasrunizah Hassan.

Dalam kejadian pada 2 Jun lalu,

Allahyarham Abu Bakar Mohammad dan rakannya, Allahyarham Khalid Mohamed dilaporkan hilang selepas turun ke laut untuk menangkap ikan.

Menerusi operasi mencari dan menyelamat yang dilakukan, mayat Khalid ditemui pada 3 Jun sementara mayat Abu Bakar ditemui keesokan harinya.

Dalam pada itu, Jamalluddin berkata, Allahyarham Abu Bakar merupakan pen-carum Perkeso di bawah pelan satu SKSPS dengan caruman sebanyak RM157.20 untuk setahun sejak 15 Jun 2021.

Manakala, Allahyarham Khalid juga mencarum dengan Pelan 1 SKSPS sejak 15 Oktober tahun lalu.

Menurut Jamalluddin, caruman kedua-dua nelayan berkenaan telah dibayar menerusi potongan Elaun Sara Hidup Nelayan, hasil kolaborasi strategik antara Perkeso dengan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM).

"Allahyarham Abu Bakar telah meninggalkan seorang balu dan lima orang anak berusia 21 tahun ke atas. Oleh sebab itu, balunya, Hirunisa, layak menerima bantuan iaitu faedah pengurusan mayat



Jamalluddin (dua dari kiri) menyampaikan faedah pengurusan mayat kepada Hirunisa (kanan) di Kampung Dalam Ayer Balo, Pontian pada Ahad.

berjumlah RM2,000 untuk sekali bayar dan faedah orang tanggungan sebanyak RM567 sebulan yang dibayar sepanjang hayatnya.

"Memandangkan kesemua anak arwah Khalid pula sudah berusia lebih 21

tahun dan isteri serta ibu bapanya telah meninggal dunia, waris arwah yang diwakili oleh anak sulungnya, Jama'ah Khalid dibantu dengan faedah pengurusan mayat sebanyak RM2,000," ujar beliau.

Keluarga hilang tempat bergantung dapat bantuan tidak diduga,

# Waris nelayan terima faedah Perkeso

Oleh NUR HUDA MUSA

**PETALING JAYA** - Kesedaran dua nelayan mencarum dengan Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso) membarau membela nasib dan meringankan keperluan hidup waris masing-masing selepas mereka meninggal dunia akibat lemas minggu lalu.

Perkeso dalam satu kenyataan berkata, Abu Bakar Mohamad dan Khalid Mohamed lemas di laut ketika keluar menangkap ikan di perairan Ayer Baloi, Johor pada 2 Jun lalu.

Mayat Khalid dan Abu Bakar masing-masing ditemui pada 3 serta 4 Jun lalu.

"Perkeso telah menziarahi dan menyantuni waris dua mangsa itu untuk menyampaikan faedah Skim Keselamatan Sosial Pekerja Sendiri (SKSPS) di bawah Akta Keselamatan Sosial Pekerja Sendiri 2017.

"Balu Abu Bakar, Hirunisa Sandari menerima bantuan Faedah Pengurusan Mayat (FPM) berjumlah RM2,000 dan Faedah Orang Tanggungan (FOT) sebanyak RM567 sebulan yang dibayar sepanjang hayatnya," kata kenyataan itu.

Sumbangan itu diserahkan oleh Ahli Dewan Undangan Negeri Pulau Sebatang merangkap Ketua Wanita UMNO Bahagian Pontian, Hasrunizah Hassan dan Pengarah LKIM Johor, Intan Suhalla Othman.

Menurut Perkeso, waris Khalid pula dibantu menerusi FPM sebanyak RM2,000 kerana keserua anaknya berusia lebih 21 tahun.



**HASRUNIZAH** (dua dari kanan) menyerahkan replika cek RM2,000 kepada Hirunisa ketika sesi penyerahan sumbangan FPM dan SKSPS di Pontian baru-baru ini.



**WARIS Khalid** (dua dari kanan) tidak menduga akan menerima sumbangan Perkeso selepas kematian nelayan tersebut yang telah mencarum menerusi SKSPS ketika ditemui di Pontian baru-baru ini.

Tambahnya, arwah Abu Bakar dan Khalid mencarum RM15720 setahun di bawah Pelan 1 SKSPS sejak 15 Jun dan 15 Oktober tahun lalu. Carumah itu dibayar menerusi potongan Elaun Sara Hidup Nelayan hasil kolaborasi Perkeso dengan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM).

"Lima anak Abu Bakar juga berusia 21 tahun ke atas dan sebab itu isterinya sahaja yang layak menerima bantuan," katanya.

Untuk rekod, sebanyak 387,884 individu yang bekerja sendiri telah mencarum dengan SKSPS sehingga 9 Jun lalu.

"Daripada jumlah itu, 34,266 pencarum adalah dari Johor. Sebanyak 33,023 pelayan aktif mencarum merangkumi 3,196 dari negeri berkenaan," katanya.

Kenyataan itu menambah, bermula 1 Januari hingga 31 Disember ini, kerajaan melaksanakan inisiatif SPS Padanan Caruman untuk memberi perlindungan kepada lapan kategori Orang Bekerja Sendiri (OBS).

Jelasnya, caruman itu dibiayai oleh kerajaan sebanyak 80 peratus (RM186.20) manakala baki-nya dibayar oleh OBS.

"Kemalangan yang tidak diduga seperti yang menimpa dua nelayan ini menekankan perlunya rakyat khususnya mereka yang bekerja sendiri dilindungi dengan skim keselamatan sosial.

"Perkeso menyeru semua pihak segera mencarum demi perlindungan buat diri sendiri dan ahli keluarga sekiranya ditimpa sebarang musibah sewaktu bekerja sendiri," ujarnya.

## KPDNHEP jamin bekalan mencukupi

**JOHOR BAHRU** – Bekalan barangan asas termasuk ternakan seperti ayam dan daging serta telur dijamin mencukupi bagi menampung peningkatan permintaan sempena Hari Raya Aidiladha bulan depan.

Timbalan Menteri Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Datuk Rosol Wahid berkata, pihaknya dimaklumkan oleh Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) bahawa bekalan berkaitan haiwan ternakan mencukupi untuk permintaan tempatan.

"Setakat ini maklumat yang kami terima adalah rakyat tidak perlu bimbang dengan bekalan ayam atau daging kerana ianya mencukupi untuk menampung permintaan menjelang Hari Raya Aidiladha nanti, itu tiada isu.

"Sungguhpun begitu, kami akan teruskan pemantauan dan sekiranya terdapat kekurangan bekalan kami akan berbincang dengan MAFI untuk pastikan

mencukupi dalam pasaran," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas melakukan tinjauan Program Jualan Keluarga Malaysia di Lotus Tebrau, di sini semalam.

Tambah Rosol, pemantauan akan dilakukan 2,000 pegawai dan anggota penguatkuasa KPDNHEP di seluruh negara bagi memastikan tiada kawasan sama ada di bandar dan luar bandar mengalami masalah kekurangan bekalan.

"Pemantauan bukan sahaja dibuat oleh anggota penguatkuasa tetapi turut dibantu persatuan pengguna dan rakyat, mereka boleh salurkan maklumat kepada kami sekiranya terjadi kekurangan bekalan di pasaran untuk tindakan segera," ujarnya.

Sementara itu, Rosol memaklumkan buat waktu ini pihaknya masih belum mempunyai perancangan untuk mengeluarkan skim kawalan harga sempena Hari Raya Aidiladha.



**ROSOL (depan, tengah)** ketika meninjau Program Jualan Keluarga Malaysia di Lotus Tebrau, semalam.

# Keunikan sawah SKBL

Tanjung Sepat: Jika sebelum ini penanaman padi hanya diketahui menerusi pembacaan atau dalam drama televisyen, murid Sekolah Kebangsaan Batu Laut (SKBL) berpeluang untuk turun sendiri ke petak sawah untuk mempelajarinya dengan lebih dekat.

Inisiatif mewujudkan petak sawah dalam persekitaran SKBL dicituskan Guru Penasihat Kelab Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM), Khoiri Ibrahim.

Antara lain program itu juga diadakan bertujuan menggalakkan murid meneroka ilmu baharu selain kemahiran bertanya dan menganalisis (inkuiri), mengumpul data serta menjana idea yang signifikan.

Guru besarnya, Azmi Kamal Mat Lazim berkata, menerusi program itu juga, murid berpeluang melihat sendiri proses penanaman padi secara dekat yang dibuat se-cara tradisional.

"Petak sawah yang diwujudkan hanya berukuran 30x40 kaki per-

segi sahaja. Ia diusahakan tenaga pengajar dengan bimbingan Jabatan Pertanian.

"Pada peringkat awal, program ini dibuat menyokong program Sekolah Lestari yang bermula pada 2021," katanya.

Tegas Azmi Kamal dalam menzahirkan program itu SKBL, kemudiannya menjalinkan kerjasama dengan Fakulti Pengajian Kejuruteraan Awam, Kolej Kejuruteraan Universiti Teknologi MARA (UiTM) Shah, University Toyama dan Chuo

Elementary School Toyama, Jepun bagi memperkukuhkan lagi kelestarian sekolah," katanya.

Azmi Kamal berkata, selain mewujudkan petak sawah sekolah berkenaan turut mengusahakan tanaman nanas, herba, pokok kelapa selain ternakan ikan patin dan ta-lapia.

Percaya Sains harus menjadi budaya dalam kehidupan harian, Azmi Kamal berkata program seperti itu juga mampu menarik minat murid terhadap bidang pertanian.



Inisiatif mewujudkan petak sawah dalam persekitaran SKBL dicituskan oleh guru penasihat Kelab STEM.



Murid berpeluang melihat sendiri proses penanaman padi secara dekat yang dibuat secara tradisional.

<b>TARIKH</b>	<b>MEDIA</b>	<b>RUANGAN</b>	<b>MUKA SURAT</b>
13/6/2022	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	29

# Guna pengalaman 14 tahun di Cameron Highlands jadi petani

Oleh **MUHAMMAD ZIKRI**  
 utusamews@mediamula.com.my

**PONTIAN:** Pengalaman selama 14 tahun bekerja dengan syarikat antarabangsa di Cameron Highlands yang mengeluarkan pelbagai jenis sayuran menjadi aset utama seorang pemuda untuk menjadi petani sepenuh masa.

Bukan calang-calang orang apabila Mohd. Pardi Ahmad Nordin, 38, yang merupakan pemegang Ijazah Sains Gunaan daripada Universiti Putra Malaysia (UPM) memilih bidang pertanian moden sebagai kerjayanya.

Dia meninggalkan pendapatan sebanyak RM7,000 di Cameron Highlands pada tahun lalu kerana mahu menjaga ibu mentuanya yang sakit di Kampung Paya Embun, Pekan Nanas, di sini.

Katanya, untuk itu dia bersama rakan, Mohd. Shah Samingon, 35, mengambil keputusan menyewa sebuah tanah di Kampung Parit Kudus yang merupakan kebun kelapa sawit terbiar.



**MOHD. PARDI AHMAD NORDIN** menunjukkan tanaman fertisasi timun gantung yang diusahakan di Kampung Parit Kudus, Pontian, Johor. - **UTUSAN/MUHAMMAD ZIKRI**

“Walaupun pada awalnya usaha ini menimbulkan persoalan penduduk kampung, saya bersama Mohd. Shah terus menjadikan kawasan tersebut sebagai kebun sayur berkonsep fertisasi gantung.

“Kami mengusahakan tanah tersebut dengan kos sewaan RM3,600 setahun,” katanya ketika ditemui di Kampung Parit Kudus di sini.

Kata anak kelahiran Kuala Lipis, Pahang itu, pengalaman

pertamanya menceburi bidang pertanian adalah dengan sebuah syarikat dari Australia yang mengadakan usaha sama dengan anak syarikat Khazanah Nasional.

“Di situ saya kenal pelbagai

jenis tanaman seperti tomato, cili, lada benggala yang diusahakan di Cameron Highlands sebelum beralih bersama syarikat Belanda di tempat yang sama,” jelasnya.

Katanya, dengan pengalaman dalam bidang tanaman fertisasi secara gantung, dia membuat sendiri proses keseluruhan bermula daripada kerja-kerja tanah sehingga pemasangan peralatan dan sebagainya.

Menurut Mohd. Pardi, dia menggunakan sepenuhnya wang simpanan sebanyak RM40,000 bagi mengusahakan tanaman 2,600 potibag timun gantung yang bermula pada April lalu.

Katanya, masa menuai timun biasanya selepas 38 hari ditanam dan boleh bertahan selama sebulan sebelum ditukar dengan tanaman yang baru.

Ditanya mengenai cabaran mengusahakan tanaman sayur di tanah tinggi kepada tanah rendah, dia memberitahu, cabaran tetap ada seperti perubahan cuaca selain penyakit yang biasa dialami.

## INSPIRASI NIAGA

Oleh **SAYED HESHAM IDRIS**  
ekonomiutusan@mediamula.com.my

**TREND** minuman berasaskan kopi yang semakin popular sejak kebelakangan ini mencetuskan idea bagi seorang wanita, Raihan Shafiqah Ismail, 34, untuk mengusahakan perniagaan biji kopi panggang.

Apa yang menariknya, Raihan Shafiqah memilih kopi jenis Robusta atau kopi kampung sebagai perniagaannya.

Memulakan perniagaan sejak tujuh bulan lalu dengan jenama Komer Coffee, Raihan Shafiqah yang memilih perniagaan itu dengan hasrat mahu mengembalikan keenakan kopi kampung yang menjadi minuman kegemaran orang dahulu.

Katanya, kopi Robusta atau kopi kampung juga tidak kurang enak dan berkhasiat berbanding kopi jenis Arabica yang popular penggunaannya dalam minuman berasaskan kopi di negara ini.

"Kalau sebut kopi, orang biasa dengar kopi Arabica tetapi kopi jenis ini biasanya ditanam di tanah tinggi.

"Kopi Robusta lebih sesuai dengan iklim di negara selain kopi jenis ini tahan lama dan rasanya macam rasa kopi kampung, sedikit pahit dan mempunyai kafein yang tinggi.

"Saya mahu membawa semula rasa dan keenakan kopi kam-

# Komer Coffee keenakan sebenar kopi kampung



RAIHAN Shafiqah Ismail melihat anak pokok kopi di tapak semaian di Talang Hulu, Kuala Kangsar.



**"Saya mahu tonjolkan di negara kita pun ada kopi bermutu, jadi minumlah kopi tempatan, kita ada kopi tempatan bermakna penggemar ada pilihan untuk kopi tempatan"**

RAIHAN SHAFIQAH ISMAIL

pung, saya mahu mengembalikan keenakan kopi kampung dalam kalangan penggemar minuman berasaskan kopi," katanya.

Raihan Shafiqah, pemegang Ijazah Kaunseling Universiti Malaya (UM) berkata, buat masa ini dia memproses biji kopi panggang secara kecil-kecilan di rumahnya di Talang Hulu, Kuala Kangsar.

Katanya, buat permulaan, perniagaannya hanya mengeluarkan bungkus kopi panggang satu saiz sahaja iaitu seberat 500 gram yang dijual pada harga RM30 setiap pekuk.

Jelasnya, bekalan biji diperolehi daripada semaian dan kopi yang ditanam penduduk kampung.

"Buat masa ini pasaran masih tertumpu di sekitar Perak dan

dijual kepada pengusaha barista dan penjual kopi di gerai tepi jalan.

"Saya dalam usaha mengembangkannya ke Lembah Klang kerana di sana terdapat banyak komuniti atau penggemar minuman kopi.

"Malah, saya menerima pertanyaan daripada peminat minuman kopi di negeri-negeri lain termasuk rakan saya di Filipina," katanya.

Raihan Shafiqah yang merupakan Ahli Koperasi Graduan Perak Berhad berkata, perniagaan kopi panggang mempunyai potensi untuk berkembang ketika minuman berasaskan kopi semakin viral dan digemari ramai di negara ini.

Katanya, dia memilih memperkenalkan kopi tempatan kerana bahan itu tidak perlu diimport.

"Saya mahu tonjolkan di negara kita pun ada kopi bermutu, jadi minumlah kopi tempatan, kita ada kopi tempatan bermakna penggemar ada pilihan untuk kopi tempatan," katanya.

Menurutnya, kopi panggang yang diusahakannya hanyalah permulaan kerana dia bercadang untuk menambah produk berasaskan kopi iaitu serbuk dan minuman berasaskan kopi di bawah jenama Komer Coffee.

"Saya berharap produk yang saya hasilkan ini akan dikenali, saya mahu penggemar kopi merasa keenakan kopi kampung, rasa kampung seperti zaman opah-opah kita dahulu.

"Mereka yang merasai kopi Robusta memang mengakui keenakannya, seperti kopi zaman dahulu yang mana pokoknya di tanam dekat rumah," katanya.

Menurutnya, dia mempunyai pasukan penyelidikan dan pembangunan (R&D) bagi melakukan kajian mengenai kopi jenis Robusta agar rasanya tidak terlalu pahit.

"Pada pandangan saya, sebenarnya hanya skema kopi Robusta pahit, tetapi sebenarnya rasa pahitnya sedikit, hanya pahit di lidah.

"Jadi saya mahu buang stigma apabila disebut kopi, ia minuman yang pahit dan menjadikan kopi kampung sebagai pilihan kepada penggemar minuman berasaskan kopi," katanya.

Maklumat lanjut atau langganan kopi panggang ini boleh dibuat menerusi Facebook Komer Coffee dan Instagram Komer Coffee Malaysia.



# Perkasa produktiviti makanan, stabilkan harga dan bekalan

**KUALA LUMPUR** - Isu kekurangan bekalan makanan dan kenaikan harga keperluan asas itu kebelakangan ini begitu dirasakan oleh pengguna dengan keluhan kedengaran daripada hampir setiap kumpulan pendapatan.

Meneliti pandangan pakar dan penganalisis serta pihak berkaitan, rata-rata melihat keadaan itu membayangkan perlunya tindakan lebih agresif dan sistemik daripada kerajaan dalam memastikan jaminan makanan untuk seluruh rakyat.

Apatah lagi kata mereka negara bergantung pada import untuk menampung keperluan domestik, dan pada tahun lepas sahaja Malaysia dilaporkan mengimport lebih 50 peratus bekalan makanan yang bernilai sekitar RM63 bilion.

## Isu kompleks

Mengulas mengenai isu itu, Timbalan Dekan Graduate School of Business, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) Prof Madya Dr Mohd Helmi Ali berkata penguasaan rantaian bekalan makanan adalah sesuatu yang sangat kompleks dan memerlukan kerjasama pelbagai pihak.

Beliau mengakui pemantauan harga yang dijalankan oleh kerajaan adalah antara usaha proaktif yang dapat melindungi pengguna dari segi kecukupan bekalan dan menangani kenaikan harga barangan yang kian melampau.

"Namun pemantauan ini perlu dilakukan dengan lebih menyeluruh, dari peringkat akar umbi, bagi menyelesaikan isu sebenar yang menjadi punca utama kepada masalah rantaian bekalan," ulasnya kepada *Bernama*.

Jelas beliau, ini kerana sebarang masalah dalam rantaian bekalan makanan akan memberi kesan berantai, iaitu jika tidak dibendung di punca utama, permasalahan akan berterusan dan tidak dapat diatasi dengan baik.

Mengulas lanjut, Mohd Helmi berpandangan peranan penyelidikan tempatan amat penting dalam membantu kelangsungan rantaian bekalan makanan menerusi pemerikasaan produk tempatan, khususnya hasil tani, yang secara langsung dapat mengurangkan kebergantungan negara terhadap import.

"Peningkatan harga baja dan racun import merupakan antara contoh kesan berantai kepada rantaian bekalan makanan yang akhirnya akan dipindahkan kepada pengguna.

"Langkah segera dan mudah yang boleh diambil adalah kemungkinan melalui subsidi, namun cadangan ini tidak lestari

dan bertahan lama. Bagi saya, kekuatan dan hak cipta yang dimiliki penyelidik tempatan boleh digunakan pada saat getir ini untuk mengkomersialkan produk seperti racun dan baja," katanya.

## Teliti setiap aduan

Sementara itu, Pengerusi Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Kuala Langat Dr Abdul Razak Khasbullah berkata pemantauan harga di setiap peringkat boleh membantu pihak berkuasa mengenal pasti punca kenaikan.

"Ada sebab kenaikan (harga) berlaku. Contohnya, harga sayuran termasuk terung, halia dan cili yang ditawarkan kami di Pusat Pengumpulan Hasil Pertanian (PPHP) memang lebih murah sebab kita edar di pasar basah dan pasar raya tertentu sahaja yang telah bekerjasama dengan PPK.

"Memang ada beza harga ditawarkan oleh kami dengan tempat lain kerana ada pengeluaran menaikkan harga sayuran disebabkan peningkatan kos baja.

"Ini kerana kebanyakan baja diimport dari Brazil. Jadi, suka atau tidak, harga memang perlu naik, dan kerana itu kerajaan perlu mengkaji punca kenaikan kos dan cari jalan untuk menyelesaikannya," kata beliau.

## Kelangsungan sekuriti makanan

Sementara itu, Ketua Laboratori Belia dalam Kepimpinan, Politik dan Kewarganegaraan, Institut Pengajian Sains Sosial (IPSAS), Universiti Putra Malaysia (UPM) Prof Madya Dr Haliza Abdul Rahman melihat kerajaan berada di landasan tepat dalam menangani isu kenaikan harga dan kekurangan bekalan makanan.

Mengambil contoh isu bekalan ayam sekarang, beliau berkata langkah kerajaan mengusahakan penanaman jagung di ladang seluas 100 hektar di Chuping, Perlis serta penanaman jagung bijian di ladang kelapa sawit di seluruh negara mampu menangani isu kenaikan harga dan juga kekurangan bekalan ayam yang dihadapi.

"Walaupun agak terlambat bak kata pepatah sudah terhantuk, baru tergedah, langkah ini wajar dipuji kerana, sekalipun tidak dapat menyelesaikan isu berbangkit secara drastik, setidaknya langkah ini dapat membantu menambah bekalan ayam untuk jangka panjang," jelasnya.

Sebelum ini, Ketua Pertanian Bersepadu FGV Abdul Razak Aya berkata penanaman jagung berskala besar itu merupakan antara usaha pihaknya membantu menyelesaikan kemeiut bekalan ayam.

Pada masa sama, Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) pula mencadangkan agar pengeluaran sawit diperuntuk-

Mahomed berpendapat antara yang boleh dilaksanakan kerajaan ialah menanam pelbagai jenis sayuran yang boleh dituai dengan segera atau mengeluarkan hasil dalam tempoh enam bulan, dalam skala besar.

Ini kerana katanya, jika krisis bekalan makanan semakin meruncing, sayur-sayuran yang di-

masih pada tahap sama. Ini bermakna nilai pendapatan mereka merosot," katanya.

Beliau memberi contoh wang sebanyak RM50 yang sebelum ini boleh dibelanjakan untuk membeli purata tiga hingga empat ekor ayam, namun kini jumlah wang yang sama hanya cukup untuk dua ekor.

"Jangan pula ada yang bagi kenyataan tidak perlu makan ayam (selepas ini) sebab mahal, kerana ayam merupakan makanan biasa bagi rakyat Malaysia," tegasinya.

## Catu makanan

Sementara itu, pensyarah di Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Pembangunan Sosial, Universiti Malaysia Terengganu (JMT) Prof. Madya Dr Roshaliza Taha tidak menolok kemungkinan ada keluarga B40 kini mencatu makanan, iaitu satu situasi yang tidak harus terjadi di Malaysia.

Malah katanya keadaan semasa juga mungkin mendorong sesetengah ketua isi rumah "mengorbankan" sebahagian daripada barangan makanan yang selama ini dinikmati mereka.

"Isu makanan ini kritikal kerana bukan sahaja harga naik mendadak, tetapi bekalan juga tidak mencukupi untuk menampung permintaan.

"Pada masa sama, Malaysia masih belum mampu mengurangkan import makanan disebabkan pengeluaran domestik tidak dapat memenuhi keperluan rakyat," katanya, menjelaskan pada masa sama negara pengeksport juga mungkin mengurangkan eksport mereka demi menjamin keperluan sendiri.

Sehubungan itu kata beliau, sudah tiba masa institusi berkaitan seperti Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI), Jabatan Pertanian dan Jabatan Perikanan, merangka strategi untuk mengurangkan kebergantungan tinggi negara terhadap produk import.

"Saya percaya peruntukan yang besar telah diberikan kepada agensi-agensi ini untuk membuat penyelidikan kelestarian sumber makanan, dan sudah sampai masanya kerajaan melihat serta menilai kembali hasil kajian tersebut, terutamanya penyelidikan berkaitan sumber makanan atau dalam bidang pertanian.

"Teliti kembali pelaksanaan pembangunan tidak perlu dan lebih tumpukan perhatian kepada industri makanan seperti yang dibuat negara maju bagi memastikan bekalan makanan negara mencukupi," kata Roshaliza. - *BNM*



Semua makanan ini mungkin mudah didapati sekarang, tapi situasi mungkin berubah dengan drastik dalam masa terdekat

kan sebahagian kecil daripada keluasan ladang untuk penanaman jagung bijian yang disifatkan MAFI sebagai langkah wajar bagi mengurangkan kebergantungan terhadap bijian dari luar negara.

Mengulas lanjut, Haliza berkata Malaysia perlu menumpukan usaha menghasilkan bekalan makanan secara bersepadu, lernancang dan holistik bagi menjamin kelangsungan bekalan makanan.

Katanya, agensi kerajaan dan swasta mesti memperkemas dan merencanakan lagi kerjasama dalam bidang pertanian berteraskan makanan menerusi penyelidikan dan pembangunan (R&D), suntikan modal, kepakaran dan teknologi.

"Generasi muda juga mesti dilibatkan dan digerakkan secara agresif untuk memupuk minat mereka mencuburi sektor pertanian moden berteraskan makanan.

"Inisiatif tertentu boleh disediakan pada peringkat awal kepada mereka seperti latihan, modal dan tanah bagi mendukung usaha mereka bergiat dalam bidang pertanian," katanya.

## Kebun sayur berskala besar

Bagi mengurangkan kebergantungan negara terhadap barangan import khususnya bekalan makanan, langkah drastik perlu diambil segera dalam memperbanyak sumber makanan khususnya sayur-sayuran.

Untuk itu, pensyarah Sekolah Perniagaan dan Ekonomi, UPM Prof Madya Dr Anuar Shah Bali

tanam itu mencukupi untuk bekalan dalam negara serta menjadi talian hayat kepada rakyat.

"Langkah ini perlu dilaksanakan segera supaya negara mempunyai alternatif mencukupi sekiranya berlaku keadaan luar jangka," ulasnya.

Beliau turut mencadangkan agar kerajaan mengambil inisiatif "meminjamkan" tanah milik ia yang bersesuaian secara percuma selama dua tahun kepada pekebun, khususnya bumiputera, untuk menanam sayur bagi menampung keperluan makanan rakyat di negara ini jika krisis bekalan makanan semakin meruncing.

"Inisiatif ini ibarat serampang dua mata. Selain membantu meningkatkan pendapatan usahawan, hasil yang diperoleh juga boleh dieksport ke negara terjejas bekalan makanan. Secara tidak langsung langkah ini dapat menangani krisis dan menawarkan sesuatu untuk dimanfaatkan apabila krisis melebar," katanya.

## Kesan besar

Sementara itu, Dekan Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia Prof Dr Mohamad Fazli Sabri berkata kenaikan harga barang, walaupun dalam kadar kecil, pasti akan memberi kesan besar terhadap perbelanjaan isi rumah kerana pendapatan mereka tidak berubah.

"Walaupun harga barang hanya naik sedikit, kesan terhadap perbelanjaan sesebuah isi rumah adalah besar kerana gaji mereka

# Gembleng petani muda, R&D jayakan transformasi pertanian

• Tiada jaminan makanan sahkan rakyat, harga terus meningkat walaupun selepas perayaan

• Tanpa generasi muda yang kini hanya 15 peratus sertai Lembaga Pertubuhan Peladang, sektor pertanian terpaksa diserahkan kepada pekerja asing

• Perluas RMT di sekolah kepada murid, selain keluarga dengan pendapatan isi rumah RM1,169 sebulan



Oleh Mohamad Zulhafiz Zol Bahari  
bhrencana@bh.com.my

Malaysia terkenal dengan sektor pertanian sekitar awal abad ke-21. Malangnya, tahap kebergantungan tinggi terhadap aktiviti import terutama dalam sektor pertanian menyebabkan negara berhadapan krisis kekurangan bekalan makanan.

Pakar ekonomi mengaitkan krisis bekalan makanan sedang berlaku kini dengan tiga P, iaitu pandemik COVID-19, perubahan iklim dan perang konflik di Ukraine. Tekanan geopolitik antara Rusia dengan Ukraine mendatangkan impak cukup besar kepada sistem bekalan pertanian

global kerana kedua-duanya pengeksport utama beberapa sumber makanan asas.

Berdasarkan data Balai Cerap Kerumitan Ekonomi (OEC), Ukraine mengeksport AS\$201 juta (RM885 juta) pada 2020 dengan produk pengeluaran utama adalah gandum, iaitu AS\$72.3 juta (RM318 juta).

Hubungan bilateral antara Malaysia dengan Ukraine terjalin sejak 1992 menjadikan kedua-dua negara saling bergantung terutama dalam eksport import. Konflik di negara itu secara langsung dan tidak langsung mengganggu aliran aktiviti import eksport yang memberi kesan kepada rantaian bekalan makanan negara.

Semakin hari, sumber bahan makanan asas seperti ayam, roti dan telur terhad kerana bekalan gandum tidak mencukupi dari negara pengeluar seperti Ukraine, Amerika Syarikat (AS) dan India. Ini memberi kesan kepada kenaikan harga barangan dan peningkatan kadar inflasi.

Di rantau Asia Tenggara, isu kekurangan jaminan makanan sering berlaku berpunca kurangnya sumbangan bekalan dari negara anggota ASEAN dalam sektor pertanian. Indeks Keselamatan Makanan Global 2021 (GFSI 2021) menunjukkan hanya dua negara anggota ASEAN berada pada kedudukan 50 teratas negara mempunyai tahap keselamatan makanan tertinggi.

Indeks diterbitkan Unit Perisikan Ekonomi (EIU) ini menunjukkan Singapura dan Malaysia masing-masing berada di tangga ke-15 dan 39. Kedudukan ini mengambil kira sistem rantaian dan faktor lain membabitkan bekalan berdasarkan konsep keselamatan makanan seperti diperkenalkan Pertubuhan Makanan dan Pertanian (FAO) Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) menerusi Sidang Kemuncak Makanan Dunia 1996.

Dasar Agromakanan Negara 2021-2030 (DAN 2.0) menggariskan usaha Malaysia dalam memajukan industri agromakanan dengan mengetengahkan pe-

modenan teknologi bagi melestarikan jaminan bekalan makanan di seluruh negara. Revolusi Perindustrian 4.0 (4IR) langkah ke hadapan merevolusikan penggunaan teknologi canggih bagi meningkatkan tahap keberkesanan dan ketersediaan sektor agromakanan negara.

Persoalannya, bagaimana Malaysia harus bertindak untuk mengatasi krisis makanan dengan mempertingkatkan sektor agromakanan tempatan? Krisis bekalan makanan melanda dunia menunjukkan sudah tiba masanya isu ini diberi perhatian serius pihak bertanggungjawab bagi menjamin setiap rakyat mempunyai akses kepada makanan mencukupi pada bila-bila masa demi kehidupan sihat.

Pemberhentian permit kelulusan (AP) bagi eksport barangan makanan tertentu diumumkan Perdana Menteri, baru-baru ini, adalah langkah segera memastikan bekalan domestik mencukupi dan menangani kenaikan harga barang makanan boleh menjurus kepada peningkatan inflasi. Langkah itu sewajarnya disusuli tindakan jangka sederhana dan panjang lebih berkesan untuk memastikan lebih bekalan di pasaran stabil kepada pengguna.

Dalam kes Malaysia, ketiadaan jaminan makanan mencetuskan kebimbangan rakyat, terutama kepada golongan rentan berpendapatan rendah (B40) dan sederhana (M40). Ini disebabkan kesannya akan dirasakan ketara pada harga makanan ruji seperti beras, ayam dan telur terutama apabila harga barangan makanan semakin meningkat selepas tempoh perayaan.

Berdasarkan Laporan Harga Purata Terkini Peringkat Runcit Komoditi Harian dikeluarkan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), harga runcit bagi ayam proses sekilogram antara RM8.90 hingga RM12 pada 7 Jun lalu. Harga ini masih berada pada paras tinggi walaupun kerajaan menetapkan had siling ayam RM8.50 sekilogram bermula 1 Jun.

Pengerusi Majlis Pemulihan Negara (MPN), Tan Sri Muhyiddin Yassin pada mesyuarat majlis itu bulan lepas, mencadangkan kerajaan mengaktifkan semula peranan Majlis Khas Keselamatan Makanan dan Pemakanan (MKMPK) yang sebelum ini berfungsi menangani krisis makanan negara.

Pengaktifan semula itu akan membolehkan kerajaan mempertingkatkan pengeluaran makanan lebih sistematik dalam bertindak balas terhadap gangguan rantaian dan bekalan makanan global.

Peruntukan Rancangan Makanan Tambahan (RMT) di sekolah diberikan kepada murid daripada keluarga di bawah Paras Garis Kemiskinan (PGK) nasional dengan pendapatan isi rumah RM1,169 perlu ditingkatkan supaya mereka dapat menikmati makanan berkhasiat.

Strategi utama perlu difokuskan untuk melestarikan jaminan makanan adalah meningkatkan pelaburan dalam bidang penyelidikan dan pembangunan (R&D). Ini bertujuan merevolusikan industri

pertanian negara seperti berjaya dilaksanakan Thailand, Vietnam, China dan Poland - langkah mengatasi isu kemiskinan dan keselamatan makanan di negara berkenaan.

Pakar dasar ekonomi, Prof Datin Dr Fatimah Arshad menjelaskan pelaburan dalam R&D adalah cara terbaik untuk memastikan kelestarian keselamatan makanan. Menaik taraf R&D dalam sektor pertanian adalah usaha penting perlu dilakukan bersama-sama petani dan ejen berkaitan bagi menggalakkan penyertaan serta penglibatan awam dalam proses penyelidikan dan pembuatan dasar lebih inklusif.

Strategi memajukan sektor pertanian perlu membabitkan lebih ramai usahawan muda dalam bidang agrokeusahawanan. Keusahawanan berasaskan pertanian ini sudah lama diperkenalkan bagi memenuhi hasrat negara untuk memajukan sektor pertanian sebagai penyumbang utama kepada pertumbuhan ekonomi negara.

Menurut statistik Lembaga Kemajuan Pertanian Muda pada 2021, purata umur petani di negara ini ialah 60 tahun, manakala hanya 15 peratus ahli Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) berumur di bawah 40 tahun.

Trend ini amat membimbangkan kerana sektor pertanian masih didominasi petani berusia. Apa akan jadi kepada masa depan sektor pertanian dalam tempoh 10 tahun akan datang dengan penyertaan petani muda amat rendah ini?

Apakah Malaysia hendak menyerahkan masa depan sektor ini kepada pekerja asing yang kini sedang menguasai 30 peratus tenaga kerja seperti dilaporkan dalam kajian Institut Penyelidikan Khasanah (KRI) pada 2020?

Dalam hal ini, komitmen kerajaan khususnya agensi berkaitan dalam merangka strategi khusus untuk menangani masalah struktur ini amat mendesak bagi memastikan sektor pertanian negara tidak ketinggalan dan menunjukkan pertumbuhan seperti diharapkan.

Galakan berterusan dan sokongan bantuan sama ada dalam bentuk kewangan, infrastruktur mahupun latihan kepada belia menceburi bidang agrokeusahawanan berupaya mentransformasikan sektor dan industri ini kepada pertanian moden berasaskan teknologi tinggi yang mampu melipatgandakan tahap pengeluaran makanan tempatan.

Pepatah Melayu menyebut, jika tidak dipecahkan ruyung manakan dapat sagunya. Kesungguhan kerajaan dan pihak berkaitan selaku pemegang taruh menangani krisis bekalan makanan melalui pelaksanaan pelbagai strategi berkesan akan menyelamatkan Malaysia daripada dibelenggu masalah sama.

Semua artikel penulis tamu adalah pendapat peribadi, bukan pendirian rasmi BH